

MENULIS DENGAN BUDAYA PASCAKOLONIAL: ANALISIS CATATAN KEMBARA

AWANG AZMAN AWANG PAWI _____

ABSTRACT

Kajian ini meneliti catatan kembara terpilih yang diterbitkan dalam bentuk kolum Dewan Sastera (2000-2006) oleh seniman Muhammad Haji Salleh dengan mengkhusus aspek budaya pascakolonial yang terserap dalam pemikiran dan sikap seniman. Penelitian ini penting bagi melihat pandangan, idea, gagasan dan pemikirannya sebagai pengarang pascakolonial. Budaya pascakolonial merujuk kepada sikap, pemikiran, cara menanggapi keseluruhan kehidupan yang kompleks daripada kacamata sikap pascakolonial pengarang. Segala pengetahuan, prinsip berfikir, wawasan dan gagasan-gagasannya diselubungi dengan sikap pascakolonial. Antara penemuan penting dalam analisis ini ialah sikap pascakolonial pengarang kritis bukan sahaja terhadap kolonial, malah turut bersikap kritis terhadap bangsanya sendiri. Pengarang juga didapati menulis dengan kesedaran pascakolonial secara sedar.

Kata kunci: budaya pascakolonial, pascakolonial, catatan kembara, oksidentalisme.

PENDAHULUAN

Dalam dunia pengarang, khususnya kalangan seniman, menulis merupakan salah satu ekspresi yang paling dekat untuk mengungkapkan pemikiran, wawasan, sikap, pengalaman, dan pendiriannya. Medium penulisan merupakan ekspresi tertinggi dalam menyampaikan pandangan dan perjuangan serta falsafah hidup. Setiap baris kata yang ditulis merupakan kenyataan hidup yang cuba disampaikan, dikongsikan dan diyakininya.

Makalah ini meneliti budaya pascakolonial yang terserap dalam pemikiran dan sikap Sasterawan Negara yang ke-5, iaitu Muhammad Haji Salleh.¹ Beliau telah terbukti merupakan antara pengarang pascakolonial di Malaysia.² Penelitian ini akan mengkhusus kepada kolum penulisan Muhammad yang terkandung dalam ruangan tetap di *Dewan Sastera* dalam tempoh November 2000 hingga Disember 2006. Penelitian ini penting bagi melihat pandangan, idea, gagasan dan pemikirannya sebagai pengarang pascakolonial. Penulisan dalam ruangan tersebut dapat dianggap sebagai penulisan kembara Muhammad yang dicatatkan kembali dalam ruangan kolumnya tersebut.

DEFINISI BUDAYA PASCAKOLONIAL

Budaya pascakolonial merujuk kepada sikap, pemikiran, cara menanggapi keseluruhan kehidupan yang kompleks daripada kaca mata sikap pascakolonial pengarang. Segala pengetahuan, prinsip berfikir, wawasan dan gagasannya diselubungi dengan sikap pascakolonial. Dalam konteks ini, sikap pascakolonial bermaksud bersikap kritis bukan sahaja terhadap kolonial, malah turut bersikap kritis terhadap bangsanya sendiri. Dengan kata lain, persona bangsanya terhadap kolonial yang membawakan arah yang kurang tepat kepada pembinaan bangsa dan negaranya turut dikritik. Pada masa yang sama, pengarang juga tidak menolak kemajuan berfikir dan pencapaian kalangan bangsa Barat dengan menyaring terlebih dahulu tanpa terikut-ikut tanpa arah.³

Dalam konteks penulisan kembara, penulisan kembara Barat khususnya kalangan negara yang dijajah selama ini tercatat dalam sejarah sebagai paling besar dan berpengaruh seterusnya merencanakan wacana pascakolonial. Penulisan kembara Barat sebenarnya merencanakan wacana “menindas” dan memberikan perspektif yang belum tentu tepat sepenuhnya. Dalam konteks penulisan kembara Muhammad, pula beliau menjelajah dengan kesedaran pascakolonial, berusaha mengelak daripada memberikan perspektif yang kurang tepat. Pada masa yang sama juga, bertindak sebagai oksidental yang kritis. Penulisan kembara memberikan pengalaman yang hidup, segar dan bermakna bagi melihat dunia sebenar kedudukan bangsa-bangsa di dunia ini. Seterusnya, menempatkan penulisan kembara sama penting dengan penulisan ilmiah yang lain.

RASIONAL KAJIAN

Berdasarkan penelitian awal, didapati kebanyakan kolum yang ditulis adalah berdasarkan pengalaman kembara pascakolonial lebih 30 tahun Muhammad menulis. Sudah tentu pandangan budaya pascakolonial pengarang turut terkandung. Pandangan budaya ini dilihat, ditafsir dan dinilai sebelum diterima atau ditolak. Muhammad juga cenderung mencurahkan kembali hasil pengamatannya kepada khalayak sastera. Tujuannya ialah agar dapat memperoleh manfaat dan dapat dijadikan perbandingan antara bangsa di dunia ini. Inilah dikatakannya bahawa,

Saya merasakan bahawa oleh kerana saya adalah warga Malaysia yang banyak mendapat manfaat daripada budayanya maka saya perlu menyumbang kembali. Dan sumbangan saya datang dari kembara ilmu saya, daripada latar sastera bandingan yang membuat tidak gentar kepada tulisan dari negara yang jauh yang berbeza budaya sasteranya. Saya kira mungkin tulisan-tulisan ini dapat dilihat sebagai perluasan makluman kepada pembaca saya. Dan juga untuk membandingkan diri kita dengan keghairahan, eksperimen, kejayaan dan kegiatan bangsa lain. Begitu juga perjalanan ke negara lain – saya suka mencari keluarbiasaan dan keunikan bangsa lain.

(Wawancara, 2007)

Berdasarkan ruangan yang diberikan kepada beliau, didapati sikap pascakolonial Muhammad mempengaruhi pembentukan imej kolumnya. Ini diperoleh daripada perjalanan, pengalaman kembara langsung, belajar daripada pemikiran dan sikap besar daripada sastera dunia. Kesemua ini hasil daripada pemerhatian, analisis, dan bacaan. Ruangan sebagai kolumnis di *Dewan Sastera* mengukuhkan lagi persona Muhammad sebagai pengarang pascakolonial yang memanfaatkan budaya pascakolonialnya. Ini dapat dibahagikan kepada beberapa aspek yang penting.

BUDAYA PASCAKOLONIAL: MENJELAJAH DAN MENELAAH KOTA ILMU DUNIA

Sebagai anak bekas jajahan, Muhammad tertarik dengan kota-kota besar sebagai tamadun besar, kota ilmu dan kota sastera. Peluang sebagai pelajar dan penyelidik membawanya ke kota-kota besar sastera termasuk Stratford on-Avon yang dilawati pada tahun 1963. Kota ini membayangkan suasana zaman Shakespeare. Ini termasuk rumah isteri Shakespeare, panggung yang sentiasa memainkan karya-karya Shakespeare dan perpustakaan khusus yang mengumpulkan segala tulisan mengenainya. Terdapat juga pelbagai jenis cenderamata yang memuatkan gambar rumah, sonata dan Panggung Globe (Muhammad Haji Salleh, 2000:80).

Di Jerman pula, terdapat ramai sasterawan dan ahli muzik di kota ini. Di Berlin Timur terdapat rumah Bertolt Brecht, penyair, dramawan, dan pengkritik sosial yang termasyhur. Pengarang lain termasuklah Theodor Fontane, Ensemble Brecht, Casanova, Frederick Schiller dapat ditemui kesan peribadi. Begitu juga rumah Frederick Nietzsche dan Casanova yang dilawatnya; digambarkan dengan baik oleh Muhammad. Banyak pengalaman, falsafah hidup, perjuangan, sikap, wawasan daripada pengarang besar diperoleh melalui lawatan langsung ini. Dalam lawatan ke Jerman, Muhammad merumuskan bahawa:

Yang ditemui hanya garis kasar sastera itu. Jiwanya harus saya temui dalam kata dan genius mereka. Antara saya temui ialah bangsa yang sangat mementingkan dan *menghormati bahasanya, hasil bangsanya, dan pencapaian bangsanya* di peringkat tertinggi (italik pengkaji). Pada saya, Heine, Goethe, Brecht, Mann, Boll, Hesse dan Grass merupakan sasterawan dan pemikir antarabangsa dan harus selalu saya dampingi, kerana saya juga sudah menjadi sebahagian daripada dunia yang lebih luas dan berkongsi ruang serta masalah dengan mereka.

(Muhammad Haji Salleh, Mei 2006:89)

Ditegaskannya bahawa bangsa-bangsa yang melahirkan pengarang besar ini, datangnya daripada bangsa yang sangat mementingkan dan menghormati bahasanya. Ini merupakan persoalan utama yang menjadi dasar kepada kemajuan pembangunan sesebuah bangsa. Muhammad menekankan faktor ini sebagai suatu penegasan dan kritikan kepada negara-negara membangun termasuk negaranya sendiri, yang pada zaman mutakhir ini seolah-olah mengabaikan dan kurang menghormati bahasa kebangsaan negara.⁴

Di Jepun, Muhammad mengunjungi Echigo-Yuzawa (Negeri Salju) yang dijadikan tajuk karya Yasunari Kawabata. Karya ini ditulis di sebuah hotel kecil dan sederhana di kampung itu pada 1930-an, dan kini menjadi hotel mewah yang mengekalkan bilik kerja Kawabata kerana bangga akan kejayaan Kawabata sebagai pemenang Hadiah Nobel pertama di Jepun. Di Rusia, beliau mendapat kesan bahawa pengarang yang menulis karya yang sarat dengan sejarah dianggap sebagai agung. Ini termasuklah Tolstoy, Doestoevsky, dan Pushkin. Pushkin, penyair kesayangan Rusia dihargai termasuk namanya diberikan kepada sebuah kampung.

Tempat dan kunjungan ini mengingatkannya bahawa khazanah Tun Seri Lanang merupakan genius dan telah mewarnai imaginasi kreatif, Syed Syekh al-Hadi, Ahmad Rashid Talu, dan Ahmad Kotot yang belum diberikan perhatian. Di sinilah bangsa dan negara

perlu belajar untuk meletakkan kedudukan wajar melalui apa yang dilakukan oleh bangsa yang maju lain dalam mengangkat sastera bangsa mereka. Lebih-lebih lagi, bagi Muhammad, tindakan ini perlu dilihat sebagai tindakan pascakolonial di negara pascakolonial bahawa sastera tempatan peribumi sudah lama dipinggirkan atau tidak diberikan tempat dan kedudukan yang wajar oleh pihak kolonial.

BUDAYA PASCAKOLONIAL: CAKERA SASTERA BANGSA BESAR

Muhammad banyak belajar daripada sastera Barat. Antara yang dapat dipelajarinya ialah bidang sastera kurang ditulis di negara ini, iaitu sastera biografi. Walaupun terdapat perkembangan sedekad yang lalu, akan tetapi berbanding dengan bangsa lain, "kita agak malu-malu untuk mengedepankan orang berjaya." Berdasarkan pengalamannya juga didapati, bangsa yang maju banyak menulis biografi termasuk Britain, Jerman, Perancis, dan Rusia. Penulisan biografi memang menuntut masa yang panjang bagi menjalankan penyelidikan untuk mendalami pelbagai aspek manusia penting seperti pemikir, budayawan, dan negarawan. Tokoh seumpama ini dianggap sebagai contoh konkrit kejayaan bangsa yang harus disampaikan kepada generasi akan datang sebelum mereka dilupakan" (Muhammad Haji Salleh, 2000:31).

Muhammad melahirkan rasa terkilan kerana belum ada biografi lengkap tentang Za'ba, Tun Abdul Razak, Tun Tan Siew Sin, Ahmad Rashid Talu dan lain-lain. Kesannya, ia menyukarkan masyarakat untuk mengetahui pemikiran, latar kehidupan, dan kehidupan manusia yang berjaya dengan lebih menyeluruh. Keadaan ini berbeza dengan Indonesia yang lebih banyak buku biografi, kerana negara mempunyai jumlah penduduk yang besar. Sedangkan di Eropah dan Amerika pula, setiap minggu terbit riwayat hidup yang baharu. Setiap penerbitan menyerlahkan pandangan baharu mengenai tokoh yang diterokai sebelum ini. Terdapat juga perlumbaan untuk menulis tentang tokoh penting kerana biografi menjadi sebahagian daripada kajian sejarah dan menyumbang untuk ilmu.

Dalam budaya Asia, penulisan autobiografi pula lebih langka daripada biografi di Malaysia kerana budaya dan cara orang Asia mengelak daripada menulis mengenai dirinya sendiri. Autobiografi terbesar akuinya, ditulis oleh Arena Wati, sebuah cerita panjang pengalaman di Indonesia dan Malaysia. Beliau mengakui menyukai karya Muhammad Rajbad, iaitu *Semasa Kecil di Kampung* dan *Mahatma Gandhi: Autobiography*. Autobiografi awal dalam bahasa Melayu seperti *Hikayat Nakhoda Muda* oleh Lauddin (ditulis akhir abad ke-18) dan *Surat Perintah Negeri Benggala* oleh Ahmad Rijaluddin dari Pulau Pinang (pertengahan abad ke-19), menurutnya:

Inilah bibit-bibit awal yang menceritakan pengalaman peribadi manusia Melayu, dengan bahasa yang dikeraskan untuk pengalaman baru yang berbeza. Tanpa autobiografi dan biografi kita tidak mungkin sampai pada teras jiwa orang besar bangsa kita. Kita boleh mengetahui nama dan latar hidup mereka tetapi kehilangan gambaran gejolak jiwa, perasaan, dan kesusahan serta kesudahan mereka.

(Muhammad Haji Salleh, Oktober 2000:31)

Permasalahan penulisan biografi dan autobiografi sebenarnya ialah permasalahan negara pascakolonial yang memerlukan lebih banyak perjalanan pengalaman dan sejarah yang melatari zaman, juga peranan individu atau tokoh dalam mewarnai kehidupan perlu ditulis. Penulisan dalam bentuk ini akan dapat memaparkan sejarah pengalaman daripada perspektif sumber pertama dan langsung bagi mendapat sudut pandangan, sikap dan

pemikiran tokoh. Muhammad sendiri sedang mengusahakan penulisan autobiografinya sendiri bagi mencatatkan perjalanan yang membawa kepada sikap pascakolonialnya.⁵ Usaha ini merupakan inisiatifnya sendiri dan sebagai menyahut cabaran menghasilkan penulisan autobiografi selepas mendapati bentuk penulisan ini amat langka di Malaysia.

BUDAYA PASCAKOLONIAL: BELAJAR DARIPADA ILMU BANGSA BARAT

Muhammad terkesan dengan suasana intelektual di Barat. Ini bermaksud sikap dan cara berhubung sebagai masyarakat berilmu menarik untuk dicontohi. Beliau mengongsikan pengalamannya selama lebih 30 tahun berkesempatan bertemu dengan sarjana terkemuka dunia. Bagi Muhammad, sikap Barat mengenai ilmu dapat dipelajari, khususnya dalam kerendahan hati, budi pekerti yang tinggi, sikap lemah lembut dan beretika dalam dunia ilmu. Ini merupakan suatu yang menarik untuk dikongsi kepada pembaca. Sebelum ini, sudah banyak didengari mengenai sikap orang Timur dalam berdepan dengan dunia ilmu (khusus dalam tradisi mengaji) dan kurang pula mendengar sikap Barat dalam dunia ilmu.

Dalam salah satu pengalaman di Institute of Advanced Studies, Princeton, beliau pernah duduk dengan Alton Becker, Ben Anderson ahli sains politik yang ternama, dan Clifford Geertz ahli antropologi terkemuka, yang juga felo di institut tersebut. Geertz misalnya, memulakan inisiatif perbincangan mengenai pengajian Asia Tenggara. Perbincangan ini berlaku secara jujur, dengan suara yang rendah, tiada ejekan atau penghinaan orang lain. Perbincangan menjadi pintar tetapi bersopan santun. Tentang Anderson, Muhammad menyatakan:

Anderson amat tajam persepsinya, selalu bertanya, selalu menimbulkan senario pada keadaan atau negeri lainnya. Walaupun tidak bersetuju, dia hanya memperlihatkan sedikit tentangannya. Tiada serangan atau perkelahian atau rasa ingin menjatuhkan air muka orang lain.

(Muhammad Haji Salleh, November 2000:34)

Muhammad (November 2000: 34) mendapati tidak ada usaha menimbulkan masalah peribadi, membeza-bezakan kaum, bahasa, dan negara. Kritikan yang menyentuh soal antarabangsa atau agama hanya berdasarkan kepekaan ilmu dan sopan santun budaya. Tidak ada senario hina-menghina, penggunaan kata kasar dan perbalahan fizikal. Pembentang dilihat sebagai ilmuwan dan bukan jawatan, kerja, latar belakang seseorang. Etika seminar inilah diamalkan secara menyeluruh.⁶ Walaupun sarjana tersebut dilihatnya sebagai ghairah dengan wacana, diwarnai pula dengan ideologi dan pendapat khusus, akan tetapi masih dalam rangka ilmiah dan berbudi bahasa. Kadangkala terdapat suara keras, akan tetapi datang daripada kepercayaan terhadap pendapatnya, bukan kerana memarahi atau mengejek orang. Jelas Muhammad:

Geertz...walaupun terkenal di seluruh dunia, tetapi dalam seminar beliau ialah manusia yang lembut, sedia menerima dan dengan tekun memuji pengkaji muda dengan jujur. Hillis Miller, seorang ahli teori yang saya dengarkan di Leiden atau Derek Walcott dan Edward Said, yang saya dengarkan dengan rasa senang di Amsterdam, ialah manusia ilmu yang terbuka dalam penghujahan dan perbincangannya. Mereka sederhana

dan tidak pernah agresif atau hanya ingin menang. Pendapat orang lain yang baik diiktiraf kerana pendapat yang baik mungkin datang daripada sesiapa sahaja.

(Muhammad Haji Salleh, November 2000:35)

Persidangan yang diadakan di Eropah dan Amerika biasanya cukup asas dan cukup berbeza di negara pascakolonial. Di Jepun dan Eropah adalah amalan biasa memberikan masa lebih setahun untuk menyiapkan kertas kerja. Tujuannya adalah bagi memastikan penyelidikan yang panjang dan mengembangkan idea dan pemikiran yang berkualiti. Lazimnya, perasmian seminar hanya dilakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Seminar.

Dengan etika ilmu Barat yang dipelajari oleh Muhammad, meskipun beliau dianggap kritis terhadap Barat, beliau tetap menjunjung sudut-sudut sikap, nilai dan etika Barat yang dapat dipelajari dan dicontohi kepada bangsa di Timur. Sikap dan etika Barat yang baik sudah berlangsung dari zaman-berzaman. Barangkali keserjanaan di Malaysia belum lagi mantap hingga dalam aspek etika seminar, masih kurang dipedulikan. Inilah aspek yang cuba ditekankan berdasarkan pengalaman beliau berseminar di negara-negara yang maju, kemudian cuba diterapkan di negara pascakolonialnya. Ternyata beliau mempunyai sikap yang tersendiri dan terpesona dengan budaya etika Barat dalam penganjuran persidangan yang lebih mementingkan ilmu dan etika.

BUDAYA PASCAKONIAL: MERAIKAN KEKAYAAN SASTERA ASIA TENGGARA

Dalam kolom Muhammad, beliau juga membuktikan bahawa bukan sastera Eropah atau Barat sahaja yang perlu diberi perhatian. Sebaliknya, sastera di Asia atau di Timur juga perlu diberi tempat dan kedudukan kerana sastera di Asia tidak kurang nilainya berbanding dengan sastera di Barat. Tambahan pula, terdapat perkembangan yang menarik yang berlaku di negara-negara Asia. Kesedaran mengenai kekayaan sastera di Timur juga merupakan kesedaran pascakolonial Muhammad. Di negara Thai misalnya, beliau melahirkan kekaguman terhadap Suchart Subsin yang sentiasa mendapat tempat dalam kalangan sarjana dan pengkaji dari Jerman, Jepun, dan Australia.

Suchart dianggap seniman ulung kerana pembaharuan yang memberikan kehidupan kepada wayang kulit Thai yang dikenali sebagai *nanthalung*. Ketika negara dilanda arus perubahan wayang gambar, televisyen, muzik rock, dan kini VCD dan DVD, *nanthalung* atau wayang kulit tradisional tewas kepada senario moden. Cerita-cerita *nanthalung* berdasarkan epik Ramakien cuma dipersembahkan kepada Raja Thai ataupun upacara diraja. Dengan khalayak semakin mengecil, Suchart membuat alternatif dengan mendapatkan inti cerita daripada surat khabar mengenai persoalan yang pelbagai dalam dunia moden ini, akan tetapi cerita dan bentuk tetap kekal. Begitu juga lagu lama diganti kerana tidak lagi berupaya berkomunikasi dengan generasi baharu. Justeru, lagu baharu dibawa dengan watak dan situasi baharu. Dengan ini, gitar elektrik yang menjadi asas muzik muda-mudi turut dibenarkan dimainkan di samping suling, rebab, tabla, gong dan kercing. Cara ini dilihat lebih berfungsi dan dekat dengan masyarakat dalam berdepan arus globalisasi.⁷

Muhammad (Jun 2001:69) juga menyatakan peranan wayang kulit Jawa yang terawal yang berjaya menyebarkan agama Islam, dan selama 700 tahun membawakan cerita Nabi Muhammad, rasul dan pahlawan Islam. Inilah peranan sastera agama yang dilihatnya turut berlaku dalam sastera Pattani, Ligor, dan Singgora (sekarang Thailand), Aceh, Mendailing, Riau, Palembang, Bangkahulu dan Lampung seiring dengan Jawa, Sunda dan Makassar.

Begitu juga dengan pantun yang berjaya memperlihatkan titik persamaan di Asia Tenggara. Pantun empat baris berjaya ditemuinya di selatan Thailand, di Tennasirim Selatan, Burma, semua suku Semenanjung, termasuk Aslian, Baba, dan Ceti Melaka. Di Jawa, ia dikenali sebagai *sešbred* atau *sisindiran* oleh orang Sunda, manakala orang Jawa pantun *kenstrung*. Suku lain di Sulawesi mengenali sebagai *pantong* dan *panton*. Pantun dilihat hadir dan dibesarkan secara asli di alam Nusantara, manakala Ramayana diimport dari India.

Bagi pengarang pascakolonial ini, persoalan dan pemikiran yang dilihat di negara-negara di Asia, khususnya di alam nusantara lebih kepada titik-titik persamaan dan perhubungan yang sudah terjalin ratusan dan mungkin ribuan tahun yang silam. Hubungan ini sudah lama mewarnai aspek seni, budaya, sosial, ekonomi, politik dan segala lapangan di wilayah-wilayah tersebut. Meskipun masing-masing wilayah berkembang secara lebih khusus, lebih-lebih lagi apabila kedatangan kolonial yang membawa kepada “konstruksi” bangsa dan pembinaan negara dan mengakibatkan setiap wilayah dan negara yang dikuasai oleh kolonial menjadi wilayah yang terpisah di antara satu sama lain dengan adanya kuasa Belanda (Indonesia), Inggeris (Tanah Melayu), Sepanyol (Filipina) titik-titik asas persamaan masih dapat lagi diperoleh. Muhammad seakan-akan masih lagi dibelenggu oleh akar primordial dalam perhubungan antara wilayah yang terpisah ini. Hal ini kerana pemikiran pascakolonial beliau lebih melihat secara luas dan menyeluruh dan kurang dipengaruhi oleh pembahagian kolonial yang memisahkan wilayah-wilayah agar lebih senang dikuasai dan ditadbir.

BUDAYA PASCAKOLONIAL: MELAHIRKAN “BANGSA” PENTERJEMAH

Salah satu pesona Muhammad ialah bidang terjemahan. Sebagai pengarang pascakolonial beliau lebih sedar mengenai maha penting terjemahan dalam membijaksanakan bangsa dan memajukan pembangunan negara. Dalam ruangan kolum di *Dewan Sastera*, sikap dan wawasan beliau dalam bidang terjemahan dapat dikesan secara lebih jelas.

Beliau amat percaya terjemahan dapat menjadikan sesuatu bangsa maju dan mampu berdaya saing. Melalui terjemahan pelbagai ilmu dapat dipelajari dengan lebih mudah dan alamiah. Antara negara yang beliau sebut dapat dicontohi dalam industri terjemahan ialah Jepun. Menurutnya penerbit Jepun mencari naskhah dari seluruh dunia dan bertindak sangat cepat bagi memastikan buku baharu cepat sampai ke tangan penterjemah, malah kadang-kadang sebelum sempat dikirimkan kepada penerbit di negaranya sendiri (Muhammad Haji Salleh, Januari 2001:42). Oleh sebab itu, beliau melihat fenomena Jepun moden sangat menakjubkan di negara pascakolonial.

Bagaimanapun, di negara pascakolonial, ternyata gerakan terjemahan tidak dilakukan secara massa, dan sikap terhadap bahasa agak mengecewakannya. Sedangkan contoh dan pengalaman negara yang maju sudah sedia ada untuk dicontohi dan disaring bagi menempa kejayaan. Namun sekiranya sesebuah bangsa tidak ada keyakinan diri dan jati diri dalam menempuh arus globalisasi, maka tidak mustahil, bangsa itu akan hanyut dalam arus ledakan globalisasi. Bahasa kebangsaan terus terhakis, dan pembaikan pembelajaran bahasa Inggeris kurang dimantapkan. Sebaliknya subjek teras bangsa yang penting seperti sains dan teknologi diajar dalam bahasa Inggeris. Kesilapan strategi ini membuatnya agak kesal dengan suasana yang berlaku ini. Ini menjadikan sesebuah bangsa itu, lemas dalam arus yang kuat tanpa kekuatan diri yang ampuh.

BUDAYA PASCAKOLONIAL: MENGANGKAT NARATIF KECIL “YANG LAIN”

Kesedaran pascakolonial Muhammad bukan sekadar setelah kembali ke alam Melayu. Kesedaran pascakolonial juga terkesan apabila mempelajari “sastera yang dianggap lain”, iaitu sastera Amerika peribumi. Perkembangan sastera peribumi Amerika yang membayangkan keadaan keterpinggiran kesusasteraan yang bukan dalam kategori “karya agung Barat”. Ini disebabkan oleh sastera ini dihasilkan oleh bukan orang Barat “asli”. Sebaliknya dihasilkan oleh golongan peribumi yang pernah menjadi tuan di tanah air sendiri dan kemudian terpinggir dan dipinggirkan secara sistematik oleh kolonial Barat. Akibatnya bukan sahaja kehidupan mereka hampir lenyap di muka bumi, sastera milik bangsa mereka turut hampir pupus.

Sebelum ini, kedudukan sastera peribumi Amerika kaya dengan puisi, mitos, dan legenda, yang memaparkan asal-usul manusia dan bumi, kejadian dunia, kerbau prairie, burung di angkasa, dan paya semuanya dikisahkan sebagai cerita suci (Muhammad Haji Salleh, Ogos 2001:88). Bagaimanapun, yang menyedihkan, ialah kolonialisme telah menghancurkan keunikan tersebut dan hingga kini cuma tinggal sisa-sisa sastera. Kolonialis Sepanyol meruntuhkan sebahagian besar tamadun peribumi ini. Tercatat dalam *Sejarah Penaklukan Sepanyol Baru dan Pemusnahan Hindia* yang menceritakan kejatuhan dewa raja ini, iaitu Montezuma. Pemerintah peribumi ini dibunuh dan disembelih semua tenteranya oleh askar penjajah demi merampas emas dan perak. Akibatnya, tamadun dan bangsa besar Azteka runtuh dan menjadi bangsa terjajah. Namun kesedaran pascakolonial peribumi menyebabkan bangsa tersebut terus bersuara mendapatkan hak dan warisan yang semakin pupus terutama dipinggirkan secara terancang oleh kolonial. Inilah dipersoalkannya bahawa:

Kenyataan siapakah yang benar, dan apakah golongan kolonial atau bangsa yang berkuasa di dunia sahaja berhak mendefinisikan dan melukis sempadan kenyataan bangsa lain? Apakah kenyataan kita juga dijajah oleh bangsa-bangsa yang pernah menjajah atau sedang menjajah dengan ilmu dan pandangan terhadap kebenaran dan sebagainya?

(Muhammad Haji Salleh, Ogos 2005:74)

Meragui kebenaran yang disogokkan oleh pihak kolonial merupakan sifat atau ciri pemikiran pascakolonial. Di sini diragui tindakan kolonial yang merupakan bangsa yang berkuasa yang memberikan definisi mengenai sesuatu bangsa yang dijajah dan menentukan ruang sempadan sesuatu bangsa tersebut. Daripada penjajahan yang berbentuk fizikal ini, kemungkinan bahawa bangsa yang terjajah juga diserap dengan konsep-konsep ilmu dan epistemologi kolonial yang lebih berpihak kepada kolonial.

Di Amerika Selatan pula terdapat ratusan suku bangsa yang hidup di tepi sungai, tasik atau hutan. Kesemua latar ini menjadi sumber inspirasi dalam kehidupan mereka, termasuk terdapat dalam mitos dan legenda, maksud tersirat “primitif” dan “tidak saintifik” (Muhammad Haji Salleh, Ogos 2005:75). Selepas dibelenggu penjajah, terdapat kesedaran pascakolonial pengarang. Sekiranya dahulu pengarang di Amerika Selatan mengemukakan pengaruh Eropah dan bayangan kehidupan Eropah, mereka mulai sedar bahawa Argentina atau Brazil atau Chile, mempunyai keaslian yang tersendiri dalam masyarakat majmuk.

Muhammad menyeberang ke sempadan sejarah bangsa yang lain bagi melihat sejarah bangsa lain yang terjajah. Perihal bangsa yang dijajah kolonial bukan sahaja berlaku di

alam Nusantara malah berlaku di benua Amerika sendiri. Sepanyol ternyata merupakan negara kolonial yang kuat membelenggu Amerika Selatan. Kesan penjajahan ini berterusan sehingga kini, lebih-lebih lagi apabila didapati bahawa bahasa Sepanyol merupakan bahasa utama di Amerika Selatan. Namun Muhammad mendapati kesedaran pascakolonial di Amerika Selatan mulai berkembang. Ini dibuktikan dengan kehadiran pengarang-pengarang yang bereksperimen dengan gaya dan bentuk pemikiran akar peribumi seperti aliran realisme magis. Ini merupakan sebahagian kecil daripada bentuk kesedaran ini. Kesedaran pascakolonial di negara Amerika Latin merupakan suatu yang signifikan dalam perkembangan pemikiran pascakolonial di negara pascakolonial. Sekali gus, ini memberikan kenyataan bahawa Muhammad tidak keseorangan dalam memperjuangkan sikap dan pemikiran pascakolonial.

BUDAYA PASCAKOLONIAL: MENULIS PESONA NGUGI

Sebagai pengarang pascakolonial, Muhammad terpesona dengan sikap pascakolonial Ngugi Wa Thiong'o. Ngugi merupakan nasionalis bahasa, budaya dan sastera negara Kenya yang pernah dipenjarakan oleh kerajaan Kenya kerana kelantangannya dalam penulisan yang mengkritik kepincangan kerajaan pada tahun 1976 dan dilepaskan pada tahun 1978. Sikap Ngugi yang paling menonjol dalam gerakan pascakolonial ialah beliau mengisytiharkan menulis novel dalam bahasa Gikuyu, iaitu bahasa peribumi Kenya daripada menulis dalam bahasa Inggeris kecuali untuk tujuan antarabangsa. Dengan cara ini Ngugi percaya dapat menyumbang kepada budaya Kenya daripada bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kolonial.

Ngugi merupakan orang kulit hitam yang pertama yang menjadi ahli akademik di Jabatan Inggeris di Universiti Nairobi pada tahun 1967. Beberapa tahun berada di universiti tersebut Ngugi menyatakan terdapat keperluan bangsa yang merdeka untuk membina budaya kebangsaan. Beliau berjaya bersama teman-temannya yang berjaya mengemukakan cadangan menghapuskan Jabatan Inggeris dan menggantikannya dengan Jabatan Kesusasteraan. Jabatan Kesusasteraan yang baru ini memfokuskan kesusasteraan nasional dan tradisi lisan peribumi dengan merujuk kepada penulisan Afrika, diaspora Afrika dan negara ketiga.

Muhammad mengikuti perkembangan pascakolonial Ngugi dan sedar Ngugi menjadi lebih terkenal apabila sedar bahawa bahasa Inggeris menjajah diri, budaya, dan akal fikirannya.⁸ Oleh sebab itu, beliau keluar daripada cengkaman dengan kembali kepada bahasa ibundanya, Gikuyu, sebuah bahasa kecil Kenya. Ngugi dipuji dan dijadikan idola kerana:

Buat saya dia menjadi wira manusia dan bahasa (yang dijajah) yang ingin melawan kuasa pemusnah bahasa dan budaya penjajahnya. Dia merungkai kesan penjajahan budaya dan bahasa ini. Dia dengan bangga dan keras, kembali kepada bahasa ibundanya. Ngugi menyatakan bahawa dia ingin memberikan suara dunia, ruang lebar, kepada bahasa ibundanya, seperti yang ditemukan dalam bahasa penjajah Inggerisnya.

(Muhammad Haji Salleh, Disember 2006:16)

Cereka Ngugi rapat dengan pemikiran pascakolonialnya. Buku-buku Ngugi perlu dibaca bersama-sama cerita ini, kerana saling membantu dalam memberikan penjelasan,

melengkap, memperkuat dan berkongsi teks. Ini ada persamaan dengan Muhammad sendiri, bahawa karya puisi beliau perlu dibaca dengan latar belakangnya, teori puitika, dan pemikiran dalam esei-eseinya yang mencerminkan sikap pascakolonial pengarang. Ngugi merupakan tokoh pascakolonial yang berjuang mengenai nilai kemerdekaan, jati diri bangsa, budaya, bahasa dan sastera peribumi. Tidak hairanlah Profesor sastera bandingan di Universiti New York ini turut diiktiraf dengan pelbagai pengiktirafan dalam pencapaian kesusasteraan dan perjuangan sastera.⁹ Bagi Muhammad pula, perjuangan Ngugi ialah perjuangan semua bangsa yang pernah ditindas oleh kolonial, oleh itu perjuangan tersebut ialah perjuangan mendapatkan hak-hak dan kedudukan jati diri bangsa yang sudah sekian lama dirampas secara hegemoni oleh pihak kolonial.

BUDAYA PASCAKOLONIAL: MENGUNGKAP MODENISME¹⁰ DAN SIKAP BANGSA

Muhammad sentiasa cuba meyakinkan khalayaknya, khususnya di negara pascakolonial bahawa setiap bangsa besar mempunyai pemikir penting, bukan sahaja terpusat kepada teknologi malah dalam bidang sastera dan bidang falsafah juga. Beliau memberikan contoh di Perancis umpamanya, yang terkenal kerana teknologi TGV, industri motokar dan angkasa lepas, juga dikenali dengan nama-nama pemikir dan seniman besar termasuk Curie, Victor Hugo, Camus, Sartre, Stendhal, Descartes, Rousseau, Barthes, Derrida, Lyotard, dan Lacan. Menurut Muhammad, mereka ialah bangsa pemikir besar, di samping bangsa teknologi dan industri besar.

Sikap Muhammad ada persamaan dengan pengarang pascakolonial lain. Ayi Kwei Armah misalnya mengemukakan bagaimana Jepun, China, Amerika dan negara Eropah yang menghargai budaya untuk meningkatkan nilai hidup mereka. Ini dilakukan melalui penerbitan massa, stesyen televisyen dan industri filem untuk mempromosikan budaya yang bukan sahaja di peringkat tempatan malah di peringkat antarabangsa. Sikap ini dikemukakan dalam majalah mahupun jurnal seperti dalam *Atlantic Monthly* dan *West Africa* (Oge Ogede, 1992:132).

Muhammad membandingkan situasi sastera di Barat yang lebih maju, serta diberikan tempat dan kedudukan tinggi, berbanding dengan situasi sastera di negara pascakolonial yang kurang dilihat penting seperti bidang profesional yang lain. Suasana yang berlaku ini disebabkan oleh sikap dan penilaian yang kurang menyeluruh serta kurang membuka diri dengan suasana dan situasi yang lebih besar dan maju sebagaimana dialami di Barat. Di sini dapat dilihat beliau mengambil nilai-nilai yang terpuji dari Barat bagi penanda aras nilai untuk dibandingkan dengan situasi yang berlaku di negaranya.

Bagaimanapun, ini merupakan pengecualian di negara pascakolonial Vietnam. Negara yang mengalami penjajahan kolonial Perancis dan kemudian selepas Perang Dunia Ke-2 hampir dijajah Amerika. Namun Vietnam telah membuktikan kepada dunia bahawa bangsa mereka meskipun kurang kecanggihan senjata moden dan kemudahan kelengkapan lain akan tetapi berupaya menyebabkan Amerika tewas dan berundur dari bumi Vietnam. Kemenangan ini disebabkan oleh semangat yang tinggi, kekentalan jati diri dan percaya kepada kekuatan bangsa sendiri. Kemenangan ini juga membangkitkan kesedaran pascakolonial yang kuat kepada Vietnam telah melakukan beberapa agenda tindakan yang berupaya memperteguh budaya bangsa dan membawa kemajuan kepada negara mereka.

Muhammad tertarik dengan kesedaran dan tindakan pascakolonial Vietnam tersebut yang kini bangkit dengan jati diri bangsa. Peranan utama universiti diberikan peranan

jati diri budaya dan disesuaikan dengan keperluan masyarakat. Sebahagian daripada peranan universiti ialah mengajar calon-calon pegawai kerajaan agar lebih terdidik. Sistem peperiksaannya banyak dipengaruhi oleh China. Yang menariknya, peperiksaan wajib termasuk subjek sastera dan puisi diadakan. Ini menunjukkan betapa sastera dilihat mampu membentuk nilai dan sikap budaya yang dibentuk negara (Muhammad Haji Salleh, September 2006:86). Demikian antara penemuan awalnya dengan negara pascakolonial Vietnam. Ternyata pada hemat Muhammmad, Vietnam mempunyai jati diri bangsa pascakolonial yang perlu dicontohi oleh bangsa yang ingin maju yang lain.

RUMUSAN

Berdasarkan penelitian ini didapati menulis dengan budaya pascakolonial oleh Muhammad dilakukan dengan kesadaran pascakolonial secara sedar. Setiap tindakan mempunyai sikap, pemikiran, pendirian, wawasan yang berorientasikan kepada sikap pascakolonial yang bukan sahaja kritis terhadap kolonial juga terhadap orang Melayu sendiri. Ini dibuktikan apabila menganalisis catatan kembara pascakolonial yang dilaluinya lebih 40 tahun digarapkan dalam kolum di *Dewan Sastera*. Menulis dengan budaya ialah sintesis beliau yang mendapati bangsa pascakolonial maju amat menghormati pencapaian bangsa dalam kesenian dan bahasanya. Persoalan penulisan biografi dan autobiografi ditanggapi dari perspektif bangsanya. Menulis dengan budaya pascakolonial juga membawanya menghargai kekayaan sastera Asia Tenggara, mengupas aspek terjemahan yang diyakini berupaya mencerdaskan bangsa. Begitu juga persoalan sastera peribumi Amerika, rasa persona terhadap Ngugi mencerminkan sikap budaya pascakolonial pengarang. Inilah antara terkandung dalam diri pengarang selama ini dalam dunia bahasa, sastera dan budaya.

NOTA Hujung

1. Muhammad Haji Salleh ialah Sasterawan Negara yang kelima di Malaysia. Beliau dikenali sebagai penyair dan pengkaji kesusasteraan Melayu-Indonesia. Beliau dikenali sebagai penyair dan pengkritik kesusasteraan Malaysia-Indonesia. Beliau telah menghasilkan lebih tidak kurang 15 kumpulan puisi persendirian, tidak kurang 10 buku kajian sastera, dan banyak menterjemah buku kajian dan terjemahan puisi dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Beliau juga banyak dilantik sebagai felo penyelidik di luar negara. Yang terakhir ialah felo penyelidik di Harvard University. Beliau merupakan antara pengarang pascakolonial yang penting di Malaysia.
2. Aspek ini dibincangkan dalam Pembinaan Teori Tempatan: Puitika Sebagai Wacana Tandingan dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Ke-IX (SAKM IX) di Kuantan, Pahang, 26-28 Oktober 2007. Lihat juga, Wacana Pascakolonial di Malaysia dalam *Unimas Research Symposium 10-12 December, 2007*, di UNIMAS, Kota Samarahan.
3. Ini merupakan gagasan konsep yang dirumuskan oleh penulis berdasarkan pemahaman dan pembacaan teori pascakolonial selama ini. Gagasan ini boleh juga dibahaskan kembali oleh sesiapa sahaja.
4. Kritikan ini selalu diulang-ulang Muhammad dalam wawancara (2007). Ini merupakan penegasan terhadap sikap dan pendiriannya terhadap soal status bahasa kebangsaan dan peranan kesusasteraan nasional yang selayaknya.
5. Menurut beliau sudah ada sepuluh fail yang masih kurang tersusun dan perlu dikemas kini (Wawancara, 2007).
6. Seajar dengan sikap ini, Muhammad pernah menyatakan bahawa, "sastera harus terbuka, membenarkan pembaruan, penyegaran dan sokongan supaya sastera itu semarak. Lihat sastera Indonesia, Jerman, Jepun atau Amerika di sini – sangat hormat, kreatif suasana penulisannya. Kritiknya terhormat kerana orang yang menulis kritikan mempraktikkan kritikan beretika, berdasarkan kepekaan antara manusia, nilai agama dan hidup bersama. Kritikan harus memperlihatkan tamadun yang mencipta sastera." Ini berdasarkan wawancara dengan Muhammad.
7. Muhammad sendiri mempunyai pandangan yang menarik mengenai globalisasi. Menurutnya globalisasi yang turut memberikan dampak yang besar ke negara-negara di dunia ini. Katanya, "globalisasi sangat rumit, membunuh – tapi kita tiada pilihan lain – kita mesti berada di atas masalah – dan tidak di bawahnya dan dirosakkan olehnya. Globalisasi memusnahkan yang mereka tidak global – tetapi di pihak lain sarjana dan seniman perlu menyedari makna keunikan (sastera dan budaya) mereka dan kembali berakar padanya – ini akan menjadi lebih kuat dan kalangan 'penguasa wacana besar' akan lebih mengiktiraf sumbangan. Di suatu pihak lainnya, jika kita pandai menterjemah ke dalam bahasa global – seorang penyair Malaysia boleh juga menjadi pengarang global. Sekarang saya inilah masanya untuk kita mendapatkan manfaat dari budaya sendiri dan juga dari budaya global. Kita perlu jadi kuat, mungkin dengan cara memahami cara globalisasi mempengaruhi kita, dan melawannya, atau menarik manfaat untuk sastera kita setelah itu." (Wawancara, 2007)

8. Antara ungkapan Ngugi yang terkenal ialah dalam *Decolonising the Mind* (1983:15-16) yang menyatakan bahawa ialah: [A] *specific culture is not transmitted through language in its universality, but in its particularity as the language of a specific community with a specific history. Written literature and orature are the main means by which a particular language transmits the images of the world contained in the culture it carries. Language as communication and as culture are then products of each other. . . Language carries culture, and culture carries, particularly through orature and literature, the entire body of values by which we perceive ourselves and our place in the world. . . Language is thus inseparable from ourselves as a community of human beings with a specific form and character, a specific history, a specific relationship to the world.*

9. Ini termasuklah East African Novel Prize (1961) bagi novel pertamanya *The River Between*; Lotus Prize bagi Afro-Asian Literature (1973), Paul Robeson Prize Artistic Excellence, Political Conscience and Integrity (1991), Anugerah Zora Neal-Hurston-Paul Robeson Award of the Council for Black Studies, Accra, Ghana (1993), Doktor Kehormat dalam Humane Letters daripada Albright College, Reading, Pennsylvania (1994), Contributor's Arts Award of Chicago State University's Gwendolyn Brooks Center, bagi sumbangan jangka panjang yang bermakna dalam Black Literary Arts (1994) Fonlon-Nichols Prize for Artistic Excellence and Human Rights (1996), dan Distinguished Africanist Award of the New York African Studies Association (1996). Karya Ngugi juga diterjemahkan dalam lebih 20 bahasa.

10. Pengkaji merujuk konsep ini modenisme sebagai rujukan umum dan tidak membahaskan atau membezakan antara moden dengan pascamoden kerana di luar penelitian ini. Rujukan lanjut konsep pascamodenisme secara khusus sila rujuk Lyotard (1984).

RUJUKAN

Awang Azman Awang Pawi. (2007). Wacana pascakolonialisme dalam konteks kesusasteraan Malaysia: Kajian teoritikal dan praktis. Simposium Penyelidikan UNIMAS 2007, 10-12 Disember 2007, bertempat di CTF1, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi UNIMAS.

Awang Azman Awang Pawi. (2007). Pembinaan teori puitika sebagai wacana tandingan pascakolonial. Seminar Antarabangsa Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu (SAKM), 26-28 hb Oktober 2007, Hotel Vistana, Kuantan Pahang.

Bradford, G. et al. (2000). *The Politic of Culture*. New York: The Center for Art and Culture.

Featherstone, S. (2005). *Postcolonial Culture*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Hallward, P. (2001). *Absolutely Postcolonial: Writing Between the Singular and the Specific*. Manchester: Manchester University Press.

Liotard, J. (1984). *The Postmodern Condition: A Report on Knowledge* (Geoff Benninton & Brian Massumi, trans.). Minneapolis: University of Minnesota Press.

Mihailovich-Dickman, V. (ed.). (1994). *Returns In Post-Colonial Writing: A Cultural Labyrinth*. Amsterdam & Atlanta, GA: Rodopi.

Muhammad Haji Salleh. (2000). Persidangan sebagai genre. *Dewan Sastera*. November.

Muhammad Haji Salleh. (2000). Kota, pengarang, dan ingatan bangsa. *Dewan Sastera*. Ogos.

Muhammad Haji Salleh. (2000). Novel terawal dunia. *Dewan Sastera*. Julai.

Muhammad Haji Salleh. (2000). Pengakuan seorang pematik buku. *Dewan Sastera*. September.

Muhammad Haji Salleh. (2000). Cereka itu emas puisi itu intan. *Dewan Sastera*. Oktober.

Muhammad Haji Salleh. (2000). Suatu sastera sebuah tamadun. Disember.

Muhammad Haji Salleh. (2000). Harap Jorge Luis Borges sebenar tampil ke depan. *Dewan Sastera*. November. Hal. 88-89
Muhammad Haji Salleh. (2001). "Megah Kerana Menterjemah". *Dewan Sastera*. Januari. Hal. 82-83.

Muhammad Haji Salleh. (2001). Melentur di ribut zaman: Seni dan perubahan". *Dewan Sastera*. Mac 2001.

Muhammad Haji Salleh. (2001). Peribahasa sebagai perian bangsa. *Dewan Sastera*. April.

Muhammad Haji Salleh. (2001). Sastera, kritikan dan adab. *Dewan Sastera*. Mei.

Muhammad Haji Salleh. (2001). Mencari benang panjang persamaan. *Dewan Sastera*. Jun.

Muhammad Haji Salleh. (2001). Belajar dari masa sudah, mencipta untuk masa kini. *Dewan Sastera*. Julai.

Muhammad Haji Salleh. (2001). Suara ipis eribumi Amerika. *Dewan Sastera*. Ogos 2001.

Muhammad Haji Salleh. (2002). Perjalanan bahasa pascakolonial seorang penyair. *Dewan Sastera*. Januari.

Muhammad Haji Salleh. (2004). Selingkar bundaran kata: Beberapa titik penting hidup seorang pengarang. *Dewan Sastera*. Disember 2005.

Muhammad Haji Salleh. (2005). Selingkar bundaran kata: Kenyataan di luar batas: Penulis Nusantara dan Amerika Latin". *Dewan Sastera*. Ogos.

Muhammad Haji Salleh. (2005). Selingkar bundaran kata: Sastera dan pedagogi. *Dewan Sastera*. September.

Muhammad Haji Salleh. (2005). Selingkar bundaran kata: Nobel yang jauh. *Dewan Sastera*. Oktober.

Muhammad Haji Salleh. (2005). Selingkar bundaran kata: Sebuah sketsa buat Siti Zainon. *Dewan Sastera*. November.

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Jati diri bangsa Malaysia: Bayangan Dakwat Barat dan Timur. *Dewan Sastera*. Januari.

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Pinter yang pintar. *Dewan Sastera*. Februari.

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Terjemahan: Mematang dengan ilmu dan sastera". *Dewan Sastera*. Mac

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Sitor Situmorang merungkai rahsia bahasa. *Dewan Sastera*. April.

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Sebuah perjalanan sastera di Jerman Timur. *Dewan Sastera*. Mei.

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Nikmat naskhah. *Dewan Sastera*. Jun.

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Pengakuan berdebu seorang Pengumpul buku: Saya salahkan guru saya! *Dewan Sastera*. Julai.

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Dari sebuah negara kecil, sebuah sastera besar. *Dewan Sastera*. Ogos.

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Lain padang lain lenggok puisinya. *Dewan Sastera*. September.

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Mencari naskhah Melayu tulen. *Dewan Sastera*. November.

Muhammad Haji Salleh. (2006). Selingkar bundaran kata: Daripada bahasa penjajah kepada lagu jiwa bangsa". *Dewan Sastera*. Disember.

Ngugi Wa Thiong' O. (1986). *Decolonising the Mind: The Politics of Language in African Literature*. London:Heinemann.

Ogede, O. (1992). "Negritude and the African writer of English expression: Agi Kwei Armah." *Kunapipi: Journal of the Post-Colonial Writing*. Denmark: University of Aarhus. Volume xiv: Number 1.

Muhammad Haji Salleh. (2007). Wawancara-wawancara dilakukan melalui e-mel. 2 Januari.